

THE STAR, PG 14

The Star, 15 Nov 2016, pg 14

# Malaysia keeping options open on TPP

## Govt to decide after US presidential inauguration

By NICHOLAS CHENG

nicholascheng@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Malaysia is not ready to call it quits on the Trans Pacific Partnership (TPP) just yet and is keeping its options open, says International Trade and Innovation Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed.

In his reply during the debate on Budget 2017 at the policy stage, he said Malaysia would wait until Jan 20, 2017 – the day of president-elect Donald Trump's inauguration – before deciding on whether or not to pull out of the TPP.

Questioned by Wong Chen (PKR-Kelana Jaya), Mustapa called for patience.

"We have been negotiating this for the last five years.

"We have invested a lot of time

and money and we have discussed and fought about it here," the minister said.

Mustapa said Malaysia would hold a separate meeting with other TPP signatories at the Asia-Pacific Economic Cooperation (Apec) meeting in Peru, whose president mooted a new TPP-like trade deal but with China and Russia instead – without the United States.

"This wasn't in our agenda but we are open to discussing free trade agreements (FTA) and we will decide if it brings benefits to the country and the Bumiputera base," he said.

"We want FTAs with Canada, Peru and the US."

It was reported last week that the TPP was now facing its biggest challenge as Trump was a major critic of the trade deal.

The agreement will collapse without US participation.

Mustapa said although he felt the TPP was "a bridge under water" now, he held on some glimmer of hope, saying that the Republican president-elect had made U-turns on several policies already.

To another question by Charles Santiago (PKR-Klang) on whether Malaysia would still amend its laws for the TPP's entry, even if the deal did not go through, Mustapa said the changes, particularly on labour and environmental laws, would continue to take effect.

"We were already planning these amendments even before the TPP and we just piggybacked off the trade deal," Mustapa said.

"I think these amendments will be beneficial, especially because it will give workers more rights."

**UTUSAN MALAYSIA, PG 9**

Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik

# Malaysia tunggu dan lihat

■ KUALA LUMPUR 14 NOV.

**K**ERAJAN mengambil pendekatan tunggu dan lihat sebelum membuat keputusan sama ada akan meneruskan atau tidak Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Langkah itu diambil memandangkan situasi ketidaktentuan terhadap TPPA berikutan kemenangan Donald Trump dalam pilihan raya Presiden Amerika Syarikat (AS) yang sebelum ini jelas menentang idea perjanjian tersebut.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed menjelaskan, berdasarkan situasi semasa, perjanjian itu dilihat seperti tidak mempunyai banyak harapan untuk menjadi realiti.

Katanya, hal itu kerana perjanjian tersebut menyatakan TPPA akan menjadi realiti sekiranya enam negara menyumbang kepada 85 peratus Keluaran Dalam Negara (GDP) daripada 12 negara terlibat.

"Dalam TPPA, negara terbesar adalah AS dengan 60 peratus sumbangan daripada aspek itu manakala negara lain hanya meliputi 40 peratus. Sekiranya AS yang menjadi penyumbang terbesar tidak bersetuju, maka TPPA tidak boleh dilaksanakan."

"Pendirian kita adalah terbuka kepada perjanjian perdagangan bebas, walaupun kita sedar ba-



PP

Berdasarkan situasi semasa, perjanjian itu dilihat seperti tidak mempunyai banyak harapan untuk menjadi realiti."

**MUSTAPA MOHAMED**  
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

hawa kemungkinan untuk TPPA dibawa kepada Kongres tidak akan berlaku. Walau bagaimanapun, apa yang akan berlaku selepas 20 Januari kita tidak tahu kerana ada pihak memberitahu Trump telah mengubah pendirian berhubung beberapa perkara, jadi kita tunggu dan lihat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Mengulas lanjut, Mustapa memberitahu, isu mengenai TPPA akan dibawa ke Mesyuarat Menteri-Menteri Perdagangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Katanya, meskipun perkara itu bukan agenda yang akan dibincangkan dalam APEC, tetapi memandangkan 12 negara terlibat dengan TPPA juga merupakan antara 21 ahli pertubuhan

itu, maka satu perbincangan akan diadakan dalam kalangan pihak terbabit.

"Kita telah berunding selama lima tahun dan idea ini timbul lapan tahun lalu dengan banyak siri perundingan dilaksanakan termasuk membawanya ke dalam Dewan Rakyat sebelum diluluskan untuk kita tandatangani TPPA. Sudah banyak yang kita labur dari segi masa dan kewangan.

"Kita yakin kalau semua ini teratur, kita akan dapat faedah daripada TPPA. Sudah lima tahun berunding, tidak perlu terburu-buru buat keputusan sama ada selepas APEC atau hari kemudiannya, sabar, kita akan buat keputusan untuk kebaikan rakyat," jelas beliau.

Dalam pada itu, Mustapa se cara sinis menzahirkan 'kegemiraan' apabila melihat ahli-ahli Parlimen yang sebelum ini kuat menentang TPPA, dilihat sudah mula menyokong dan menyatakan kekesalan sekiranya TPPA

tidak dapat direalisasikan.

Sementara itu, **Datuk Seri Dr. Ir. Mohizam Ibrahim (BN-Kuala Selangor)** menyatakan, keadaan ekonomi negara dibimbangi berdepan impak negatif TPPA tidak diteruskan berikutan keputusan mengejut pemilihan AS minggu lalu.

Beliau menjelaskan bahawa sekiranya diteruskan, perjanjian tersebut mampu meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara sehingga RM891.37 billion dalam tempoh 2018 hingga 2027.

"Kemenangan Trump dalam pilihan raya Presiden baru-baru ini memang tidak dijangkakan. Merujuk kepada TPPA, apakah status terutama sekali dengan pemakluman terkini tentang dasar baharu khususnya melibatkan negara-negara terlibat dengan perjanjian itu.

"Saya sedia maklum bahawa sekiranya perjanjian tersebut tidak diteruskan ia akan memberi kesan negatif kepada ekonomi negara. Tanpa penyertaan kita dalam TPPA, KDNK negara dijangka akan merosot sehingga RM67.59 billion dan menjadikan jumlah perolehan serta peluang pekerjaan yang disediakan menerusi perjanjian itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 peringkat jawatankuasa bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam Persidangan Dewan Rakyat hari ini.